

**05 JANUARI 2025**

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi RD BUMI SDN BHD**

**RD BUMI SDN BHD** telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. untuk melaksanakan pensijilan semula bagi persijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* untuk **RD BUMI SDN BHD**. Penilaian akan dilaksanakan ke atas ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh **RD BUMI SDN BHD**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan pensijilan semula bagi **RD BUMI SDN BHD** pada **13.02.2025**. Pensijilan semula akan diadakan menurut *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3-2:2022 General Principles for Oil Palm Plantation (above 500 ha)*. Salinan Standard MSPO 2530-3-2:-2022 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: [central@jsm.gov.my](mailto:central@jsm.gov.my). Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Ladang	Alamat	Luas (Ha)	Rujukan GPS
RD BUMI SDN BHD	PT9298, Mukim Bera, 28380 Bera, Pahang Darul Makmur	820.00	N 3° 05' 59", E 102° 44' 41"

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian terdiri daripada (*Tertakluk kepada perubahan Plan Audit*):

- i) **En. Azmi bin Adnan** sebagai Ketua Auditor (Perundingan undang-undang, Sosial dan Dalaman dan Luaran Pihak Berkepentingan)
- ii) **En. Mohamad Irwan bin Senin** sebagai Auditor (Alam Sekitar dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 13 Februari 2024  
Masa : 10.00 pagi – 12.00 petang  
Lokasi : RD DUMI SDN BHD PT9298, Mukim Bera, 28380 Bera, Pahang Darul Makmur

*Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.*

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pegawai Pengesahan (Certifier)**

Atika Binti Bakar  
Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.  
No. B30, Tingkat 1,  
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,  
25200 Kuantan Pahang  
Tel: +609-5751333.  
Email: [info@transcert.com.my](mailto:info@transcert.com.my)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

**Pegawai Pengesahan (Certifier)**

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.